

Elemen Pengumpulan Maklumat dalam Pengajaran Berfikir Kritis Guru Pendidikan Islam

Elements of Information Gathering in Teaching Critical Thinking among Islamic Education Teachers

Nursafra Mohd Zhaffar¹, Mohd Isa Hamzah² Khadijah Abdul Razak³

ABSTRAK

Mengumpul maklumat penting dalam proses berfikir kritis. Hal ini kerana maklumat yang dimiliki dapat memandu individu dalam membuat pertimbangan terhadap sesuatu isu atau permasalahan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas mendapati guru pendidikan Islam (GPI) kurang membudayakan penyelidikan dalam pengajaran di bilik darjah. Justeru, elemen pengumpulan maklumat ini penting untuk diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Islam (PI) untuk melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi. Kajian kualitatif ini dijalankan bertujuan meneroka strategi yang digunakan oleh GPI dalam menerapkan elemen pengumpulan maklumat dalam pengajaran PI. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen daripada enam orang GPI sekolah menengah. Dapatan utama kajian ini menunjukkan elemen pengumpulan maklumat yang diamalkan oleh GPI melibatkan aktiviti pengumpulan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pengumpulan maklumat di luar PdP, penerapan kriteria kesahihan maklumat dan penerapan kriteria kecukupan maklumat.

Kata kunci: Pengumpulan maklumat, guru Pendidikan Islam, pengajaran berfikir kritis.

ABSTRACT

Information gathering is vital in the critical thinking process. This is because the information gathered can guide an individual in making judgments on an issue or problem. However, finding from previous researches showed that Islamic Education Teachers (IET) do not cultivate research during teaching and learning process. Thus, information gathering elements is crucial to be instilled in the teaching of Islamic Education to produce high order thinking skills students. This qualitative research is carried out to study the strategies used by the IET in instilling information gathering elements in their teaching. Data is collected by using semi-structured interview, class

¹ Nursafra Mohd Zhaffar, Calon Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, nursafra@kkjel.edu.my

² Mohd Isa Hamzah, PhD, Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, isa_hamzah@ukm.edu.my

³ Khadijah Abdul Razak, PhD, Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, khadijah.razak@ukm.edu.my

observation and document analysis from six IET secondary school. The main findings of this study show the elements of information gathering practiced by IET involved information gathering in the lesson, information gathering activities outside the lesson, applying the criteria of validity of the information and applying the criteria of sufficiency of the information.

Keywords: *Information gathering, Islamic education teachers, teaching critical thinking.*

Pendahuluan

Mengumpul maklumat merupakan satu elemen penting dalam pemikiran kritis. Sarjana menamakannya sebagai sikap dalaman seorang pemikir kritis (Costa & Kallick, 2014). Individu yang memiliki sikap ini kebiasaannya cenderung menangguk keputusan sehinggalah maklumat yang diperlukannya mencukupi untuk dianalisa. Sikap gemar mengumpul maklumat ini menjadikan seseorang individu berupaya membuat pertimbangan yang baik dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Namun demikian, majoriti sarjana mengkategorikan pengumpulan maklumat ini sebagai satu sub di bawah kemahiran menilai dalam proses pemikiran kritis (Facione, 1990). Ini bermakna tanpa kemahiran mengumpul maklumat, seseorang tidak dapat membuat pertimbangan yang baik dan bakal mempengaruhi konklusi untuk dipegang. Justeru, kemahiran pengumpulan maklumat ini penting untuk ditekankan oleh guru dalam pengajaran untuk melahirkan murid yang berfikiran kritis.

Pernyataan Masalah

Transformasi pendidikan di Malaysia kini menuntut penerapan pemikiran aras tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Sebelum murid mencapai pemikiran ini, mereka perlulah memahami konsep asas dalam sesuatu ilmu. Bailin et al. (1999a) menamakan kefahaman ini sebagai pengetahuan asas (*background knowledge*). Antara kaedah untuk memahami konsep asas ialah murid bersedia dengan maklumat yang relevan dengan topik pelajaran. Selain itu, murid juga perlu memahami sesuatu isu yang dibangkitkan dalam kelas dan mengambil pendirian. Tanpa maklumat asas, seorang murid sukar untuk berfikir secara kritis dan membuat keputusan yang baik dalam keadaan keterbatasan maklumat (Bailin et al., 1999b; Norris, 1985; Paul & Elder, 2012). Pembelajaran aktif juga sukar berlangsung lantaran kekurangan maklumat sama ada di pihak guru mahupun murid (Raths et al. 1986).

Sebaliknya, lambakan maklumat pada era teknologi maklumat ini juga menjadi isu dalam pendidikan hari ini. Fenomena negatif 'lebih muatan maklumat' seperti kecewa, lemah semangat dan fikiran kacau bilau boleh berlaku lantaran sajian maklumat yang rencam. Ini disebabkan oleh maklumat yang dilihat saling bertentangan, tidak bermakna malah menimbulkan kekeliruan (Mohd Sani, 2009; Wan Mohd Nor, 2007). Kajian lepas mendapati unsur *Israiliyyāt* (Bazliah, 2012) dan hadis *maudhu'* (Nurul Asiah Fasehah, 2015) diterapkan oleh segelintir guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran mereka. Selain itu, GPI juga dikenalpasti kurang membudayakan penyelidikan dalam pengajaran (Ab. Halim & Zarin Ismail, 2006), kurang merangsang murid mencari maklumat tambahan dan tertumpu kepada peperiksaan (Ahmad Yunus & Ab. Halim, 2010; Kamarul Azmi et

al., 2011; Rosnani Hashim et al., 2014). Justeru, keadaan ini menuntut penggunaan kaedah pengajaran yang memberi kelenturan berfikir kepada murid melibatkan keupayaan mencari, menyaring dan mengumpul maklumat sebelum boleh diproses untuk mendapatkan makna berguna (Meyers, 1986; Hasan Langgulung, 1988; Phillips, 1997; Halpern, 1998).

Pengumpulan Maklumat Dan Hubungannya Dalam Pendidikan Islam

Islam amat mementingkan aktiviti mencari maklumat atau menyelidik. Hal ini kerana menerima sesuatu berita tanpa soal selidik akan menambah sifat malas untuk mencari kebenaran (Mahyuddin & Azman, 2005) dan seterusnya mewarisi kesalahan serta kejahilan orang sebelumnya (Sobhi Rayyan, 2012). Banyak ayat al-Quran menekankan perihal mencari maklumat seperti; bertanya kepada pakar (al-Quran, 21: 7), menyelidik kesahihan berita yang dibawa oleh orang fasiq (al-Quran, 49: 6), bertukar fikiran bersama yang lain tentang sesuatu dakwaan (al-Quran, 34: 46) dan sebagainya. Kesemua peringatan ini menggambarkan kepentingan mempunyai ilmu atau maklumat yang mampu memandu manusia kepada kebenaran.

Al-Zarnuji (2004) pula menggalakkan murid supaya kerap melakukan perbincangan dan pertukaran idea berbanding pengulangan ilmu secara hafalan semata. Ini kerana aktiviti perbincangan mengandungi elemen pengulangan dan penambahan ilmu melalui pertukaran maklumat sesama rakan. Selain itu, beliau juga menyatakan sesuatu ilmu itu dapat dikuasai jika diteliti daripada berbagai sudut yang dipelajari beserta hikmahnya.

Dapat difahami daripada perbincangan ini bahawa Islam menggalakkan pengumpulan maklumat dengan menggunakan berbagai kaedah bertujuan mencari kebenaran. Sebaliknya, jika kita mempercayai kesemua berita tanpa menyelidik, maka kita akan menjadi orang yang terpedaya. Hal ini disokong oleh hadis Nabi saw yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, "*Cukuplah seseorang dianggap berdosa tatkala membicarakan semua yang ia dengar.*" (Al-Albani 2013: 4992). Ada sesetengah riwayat menyebut, "*cukuplah seseorang dianggap berdusta...*" Berdasarkan wahyu tersebut, dapat kita fahami bahawa mengumpul maklumat memerlukan kemahiran kerana melibatkan unsur membuat penilaian atau pertimbangan. Perkara ini perlu untuk menjadi Muslim yang terbaik. Maka, tugas GPI yang memandu murid menyaring maklumat yang sampai, mengambil yang bermanfaat serta meninggalkan yang tidak berkenaan adalah memenuhi saranan wahyu ini. Hal ini secara tidak langsung dapat mengatasi fenomena kekeliruan fikiran disebabkan lambakan maklumat pada era digital ini.

Objektif Dan Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pengajaran GPI dalam menerapkan elemen pengumpulan maklumat dalam Pendidikan Islam (PI) khusus untuk merangsang pemikiran kritis murid. Persoalan utama dalam kajian ini ialah apakah strategi pengajaran GPI dalam menerapkan elemen pengumpulan maklumat dalam PI?

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes untuk mendapat kefahaman mendalam mengenai elemen pengumpulan maklumat yang digunakan dalam pengajaran berfikir kritis menurut perspektif GPI. Dalam kajian ini, kes merujuk kepada fenomena pengumpulan maklumat dalam pengajaran PI yang berasaskan kepada pemikiran kritis. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen ke atas enam orang GPI hasil cadangan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan teknik *purposeful sampling* (Merriam, 2009); peserta dipilih berdasarkan kriteria awal yang telah dikenalpasti oleh pengkaji bagi menjamin perolehan maklumat yang bersesuaian dan mencukupi. Antara kriteria utama pemilihan peserta kajian ialah berkhidmat lebih daripada lima tahun, memaparkan pengajaran kritis dalam PI dan senang memberikan kerjasama. Pengkaji mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, pengetua sekolah dan seterusnya GPI yang terlibat. Proses pengumpulan data berlangsung selama 12 bulan.

Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.5.9. Proses analisis kandungan ini melibatkan proses memilih, meninggalkan dan memberi makna terhadap data yang diperolehi (Patton, 2002). Kaedah perbandingan berterusan digunakan terhadap elemen pengumpulan maklumat yang diperolehi melalui triangulasi data temu bual, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen pada waktu yang berlainan dan juga antara peserta kajian di lokasi berbeza untuk mengenalpasti pola persamaan dan perbezaan dalam data (Strauss & Corbin, 1998).

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini mendapati secara keseluruhannya, terdapat empat kategori utama elemen pengumpulan maklumat yang menjadi amalan GPI iaitu; 1) pengumpulan maklumat sebagai sebahagian pengajaran dan pembelajaran (PdP), 2) pengumpulan maklumat di luar PdP, 3) menerapkan kriteria kesahihan maklumat, dan 4) menerapkan kriteria kecukupan maklumat.

Pengumpulan maklumat sebagai sebahagian PdP

Tema ini fokus kepada strategi pengumpulan maklumat yang GPI gunakan sebagai aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah khusus untuk merangsang pemikiran kritis murid. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu pencarian maklumat oleh murid dan permodelan guru.

Subtema pertama ialah pencarian maklumat oleh murid. Sewaktu sesi pengajaran, GPI menjalankan aktiviti pengumpulan maklumat dengan berbantuan teknologi maklumat seperti internet dan komputer. Kemudahan makmal ICT dengan bekalan internet amat penting untuk memberi ruang kepada murid mendapatkan maklumat secara pantas dan terkini. Dalam aktiviti ini, GPI memandu proses tersebut secara langsung dengan menyediakan terlebih dahulu isu-isu yang perlu diteroka secara mendalam. Sebagai contoh, Ustaz C menyatakan;

“Jadi di situ gurulah kena berperanan untuk merancang pembelajaran dan juga menyenaraikan isu-isu yang diungkitkan dan kemudian kita bawak mereka ke makmal dan kita mintak mereka untuk search maklumat terlebih dahulu sebelum mereka berhujah” (GPI3/TB2:12).

Selain penggunaan kemudahan pencarian maklumat yang bersifat digital, GPI turut meminta murid merujuk buku seperti buku rujukan, modul dan akhbar untuk mengumpul maklumat tambahan selain yang terdapat dalam buku teks. Walaupun begitu, penggunaan perpustakaan sekolah kurang digunakan sewaktu sesi PdP sebagai tempat pengumpulan maklumat kerana aktiviti ini mengambil masa yang lebih lama berbanding penggunaan internet. Di samping itu, kawalan disiplin murid menjadi antara kekangan untuk GPI menggunakan perpustakaan sekolah sewaktu sesi PdP. Hal ini difahami daripada temu bual bersama Ustazah F;

“Bagi budak akses ke library, tak. Tapi sediakan [perpustakaan mini] di surau macam tu, ya...majalah-majalah tu kita dah tengok dulu apa isu. Mana yang dia tanya, pergi ke surau” (GPI6/TB2:19). “Kita tetapkanlah satu benda yang kita minta budak cari, mesti berkait dengan agama. Jadi bila budak-budak ni cari karang, biasalah budak-budak kan, dia berdiri lama kat situ, lepas tu bercakap-cakap semua, dah kena tegur dengan librarian. Benda-benda macam tu akak pun rasa tak nak menimbulkan masalah bagi pihak kita kan” (GPI6/TB2:18).

Selari dengan pandangan Ustaz C;

“Kecualilah saya bawak mereka ke library la kot. Tapi saya belum pernah cubalah, sebab saya takut masa terbuang dengan agak banyak dalam keadaan pelajar sendiri tidak ada based ilmu yang cukup untuk mencari. Dan kekangan masa yang agak singkat, maka internet adalah satu solusi yang agak baik” (GPI3/TB7:52).

Dari sudut strategi pengumpulan maklumat pula, GPI menggunakan pembelajaran kooperatif iaitu secara berkumpulan mahu pun berpasangan. Namun menurut GPI, mereka sendiri perlu terlibat bersama-sama dengan murid dalam proses pencarian maklumat. Ustaz C menyebut, *“Kadang-kadang soalan yang mereka timbulkan bukan pelajar je tak boleh jawab, kita pun tak boleh jawab. Itu kita kena hold. Pelajar boleh lead discussion tersebut tapi pada akhirnya jawapan yang tepat kita sebagai guru pun kena bersama-sama dengan pelajar untuk mencari maklumat” (GPI3/TB4:8).*

Seterusnya, kedudukan fizikal kelas memainkan peranan untuk memberi ruang kepada murid melakukan perbincangan bersama rakan-rakan yang lain. Komunikasi ini melatih murid untuk mengumpul maklumat melalui penyoalan dan perbincangan, sebagaimana data temu bual menunjukkan, *“Kadang-kadang dia [murid] ambil peluang untuk tanya rakan-rakan sebelah. Sebenarnya tu adalah proses. Bukan meniru, tapi mencari maklumat. Kita tak boleh nak kata itu meniru. Sebab kita masih dalam PdP, dalam latihan. Jadi mereka mencari maklumat” (GPI3/TB5:18).* Kedudukan fizikal kelas yang sesuai untuk murid mencari maklumat ialah susunan meja secara berkelompok. Sebagai contoh, Ustaz C menyatakan,

“Tinggal lagi dari sudut penyertaan pelajar saya rasa kurang sikitlah berbanding kelas yang lepas. Mungkin kerana kedudukan meja yang berbentuk individu

menyebabkan mereka tidak ada satu ruang untuk berbincang secara perlahan sebelum keluarkan satu konklusi mungkin ruang tu agak limit” (GPI3/TB7:1).

Subtema kedua ialah permodelan. Dalam kajian ini, GPI menampilkan diri mereka sebagai contoh dalam usaha pengumpulan maklumat. GPI juga menjadikan murid tertentu sebagai model dalam pencarian maklumat. Sewaktu menyampaikan sebarang maklumat atau mengemukakan contoh-contoh situasi untuk menjelaskan sesuatu konsep, GPI kerap menyertakan sumber rujukan maklumat tersebut, misalnya “*Ustaz C menceritakan mengenai peristiwa yang dilihatnya depan mata, pesilat Melayu kebal; menyucuk bertubi-tubi peha sendiri namun tiada sebarang kesan luka” (GPI3/P02:8).* Begitu juga contoh daripada temu bual bersama Ustazah F,

“Macam akak cakap, berdasarkan...akak pernah baca satu buku anggota askar Amerika yang terlibat, ada sorang yang lari kan, lepas tu dia banyak buat buku tentang twin tower tu kan...Jadi dia nampaklah rasionalnya sikit daripada orang tu cakap... orang ni cakap. Jadi kita nak, bila cakap sesuatu tu biarlah dia pernah baca daripada buku mana ke, dari berita, dari surat khabar pun tak pelah... daripada orang tu cakap, orang ni cakap. Biar dia lebih praktikal dalam memberikan jawapan tu” (GPI6/TB1:18-19).

Selain itu, GPI juga memodelkan kebiasaan menyaring maklumat melalui pengiktirafan terhadap maklumat daripada sumber tertentu yang murid kemukakan dalam sesi PdP. Kebiasaan GPI menyaring dan menyatakan rujukan dalam penyampaian maklumat membolehkan murid meneladani sumber-sumber yang biasa dirujuk oleh guru mereka.

Pengumpulan maklumat di luar PdP

Tema ini berkenaan tugas pengumpulan maklumat yang diberikan GPI kepada murid-murid untuk dijalankan secara pembelajaran sendiri di luar waktu PdP. Tema ini merangkumi tiga subtema iaitu sesi pengumpulan maklumat, medium yang digunakan dan strategi pengumpulan maklumat.

Tugas pengumpulan maklumat sebelum sesi PdP sesuatu topik bertujuan menyediakan murid dengan maklumat berkaitan dengan topik dipelajari. Bagi Ustazah A, sekiranya murid tidak bersedia, mereka tidak mampu merespon dengan baik terhadap persoalan yang timbul dalam perbincangan. Ustazah A menyatakan, “*Kalau tak nanti dia tidak meriah lah! Tidak meriah dia punya respon sebab dia tak baca” (GPI1/TB1:13).* Sebelum kelas, GPI meminta murid mencatat persoalan yang timbul atau sebarang isu yang relevan sewaktu mengumpul maklumat asas mengenai topik yang bakal dipelajari. GPI juga sepakat berpandangan murid yang mempunyai maklumat asas sebelum satu-satu topik diajar, berpeluang mendalami kefahaman terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam sesi perbincangan mahu pun pembentangan. Sebagai contoh daripada pernyataan Ustazah A;

“Dia boleh search kat rumah. Pelajar mesti ada maklumat untuk menjawab soalan kita. Itu memang syarat dia. Boleh kita tanya tanpa maklumat tapi jawapan macam akak cakap tadi jawapan tidak berkualiti lah” (GPI1/TB1:20).

Selain itu, Ustaz C, Ustazah D dan Ustazah E menjelaskan bahawa aktiviti pengumpulan maklumat secara berkumpulan diberikan sebelum PdP adalah untuk tujuan pembentangan. Contohnya Ustazah D menyatakan, *“Kita dah ada perancangan awal, jadi perancangan awal ni kita dah bagitahu terlebih dahulu, tajuk apa kita nak belajar. Guru pun dah bahagi kumpulan. Dah bahagi tajuk, subtopik kecil tu dan kumpulan apa. Lepas tu kita dah beri panduan dekat dia mana yang sesuai dirujuk”* (GPI4/TB4:1-2).

Seterusnya, aktiviti pengumpulan maklumat pasca PdP bertujuan memperkayakan kefahaman murid-murid terhadap sesuatu topik yang telah dipelajari sebagaimana yang dipraktikkan oleh Ustaz C;

“... kita nak kan dia lebih kepada pengayaan. Di situ pelajar akan diberi tugas secara umum apa-apa sahaja persoalan yang timbul sewaktu PdP yang mungkin kerana tak cukup masa untuk kita cari maklumat yang cukup atau pun kita sengaja mahukan pelajar mencari point-point baru yang mungkin tidak penting untuk kita bincangkan dalam kelas” (GPI3/TB8:2).

Aktiviti pengumpulan maklumat pasca PdP ini dijalankan secara individu kerana murid akan mengaplikasi ilmu yang diperolehi dalam bilik darjah untuk menyelesaikan soalan tugas lanjutan. Sebagaimana data pemerhatian kelas Ustaz C; *“Sebelum menutup sesi PdP hari itu, Ustaz C meminta murid-murid membuat tugas pencarian maklumat berkaitan persoalan yang belum terjawab tadi, boleh atau tidak silih digunakan untuk tujuan yang baik seperti melindungi diri, keselamatan dan sebagainya? Beliau menyatakan isu tersebut bakal dibincang dalam kelas akan datang dua minggu dari sekarang”* (GPI3/P02:9).

Sama ada sebelum atau pun selepas sesi PdP, GPI memberi kebebasan kepada murid-murid dalam penggunaan medium pengumpulan maklumat. Murid-murid boleh menggunakan internet, buku, majalah atau akhbar, dan bertanya kepada golongan tertentu sama ada ibu bapa di rumah, GPI lain di sekolah, guru subjek lain mahu pun rakan-rakan yang berhampiran. Sebagai contoh, Ustazah A menyatakan, *“Kamu cari sahaja sumber daripada mana-mana sumber, apa-apa bahan especially internet yang sekarang sangat mudah.”* (GPI1/TB3:2).

Ustazah E dan Ustazah F pula menegaskan kepentingan bertanya sebagai jalan kepada pemerolehan maklumat yang lebih mendalam. Murid-murid disarankan agar bertanya kepada guru-guru lain di sekolah, ibu bapa di rumah mahu pun rakan mereka sendiri. Namun, GPI perlu berperanan mencetus pemikiran murid dengan menggabungkan jalinkan isi pelajaran Pendidikan Islam (PI) dengan bidang atau disiplin lain yang bersesuaian. Temu bual bersama Ustazah E dan F menyatakan;

“Ada masa, persoalan budak pun, tak semua kita kena jawab. Ada masa kita KIV. Kita kata, cari dulu, fikir dulu, cari tanya mak ke, tanya sesiapa ke... ha, baru ustazah jawab. Pelajar mencari maklumat. Biar dia cari sendiri. Tanya ustaz lain. Awak tanya ustazah lain” (GPI6/TB2:15).

“Misalnya macam proses mengandung kan dia ada step-step tu kan. Kalau kita tengok 7 bulan dia lahir, biasanya dia akan hidup kan baby tu? Kalau misalnya 8

bulan, biasanya dia tak hidup. Kan dia ada kajiannya kalau ikut Sains. Sebab pada masa itu dia macam penstrukturan semula? Ok, kamu tanyalah Cikgu Sains kamu sebab saya memang tak tahu! Maknanya kita kaitkanlah” (GPI5/TB3:11-12).

Walau bagaimanapun, tugas pencarian maklumat ini dirancang secara berbeza pendekatannya antara kelas berprestasi rendah dan kelas berprestasi tinggi. Hal ini diakui oleh Ustazah B melalui pernyataannya; *“Kemudian akak suruh dia cari teks-teks khutbah tu. Bagi budak yang pandai lah, akak suruh dia buat. Kalau yang tak pandai tu macam tulah, bantu satu persatu, satu persatu. Akak pernah buat, tapi budak kelas belakang dia tak mahu buat. Kalau suruh cari teks khutbah, dia cari, adalah sorang dua buat” (GPI2/TB1).*

Bagi Ustaz C pula, beliau turut menggunakan strategi berbeza dalam tugas pengumpulan maklumat untuk murid berprestasi rendah dan berprestasi tinggi. Perbezaan ini dapat dilihat melalui bahan tugas dan medium pencarian maklumat. Soalan yang diberikan kepada murid berprestasi rendah bersifat lebih umum dan hampir dengan kehidupan harian mereka, sebaliknya soalan untuk murid berprestasi tinggi bersifat lebih terperinci dan mengandungi konsep-konsep abstrak. Ini dapat difahami daripada penjelasan berikut; *“Pelajar kelas depan, kadang-kadang tu kita bagi melibatkan satu konsep yang abstrak, yang pelajar kelas belakang mungkin tak mampu nak faham. Contohnya isu akidah, susah nak faham. Pelajar kelas belakang dia tak nampak! Apa beza antara ar-Rahman dan ar-Rahim?” (GPI3/TB8:2).*

GPI juga memberi penekanan berbeza dalam penggunaan medium pengumpulan maklumat antara dua golongan murid bergantung kepada keupayaan dan tahap kognitif mereka. Bagi murid berprestasi rendah, GPI menggalakkan carian maklumat menggunakan kemudahan internet dengan kadar yang minimum, sebaliknya murid ini digalakkan mengumpul maklumat dengan bertanya kepada ibu bapa, guru mahu pun rakan mereka. Hal ini kerana bahan yang sedia ada di internet bersifat umum dan tidak responsif kepada konteks persoalan berbanding pandangan daripada individu yang diajukan pertanyaan.

Penerapan kriteria kesahihan maklumat

Kriteria kesahihan maklumat adalah unsur penilaian yang diterapkan GPI kepada murid-murid dalam proses pengumpulan maklumat. Kriteria ini diserapkan oleh GPI melalui pelbagai cara iaitu antaranya dengan memeriksa sumber maklumat yang murid kemukakan. Sebagai contoh data pemerhatian pengajaran Ustazah D, *“Ustazah D menanyakan daripada mana Humairah mendapat sumber maklumat yang diberikan? Humairah menjawab, maklumat tersebut diperolehi daripada e-fatwa kebangsaan” (GPI4/P01:02).*

GPI meletakkan maklumat yang berautoriti untuk dipercayai kesahihannya melibatkan Al-Quran, Hadis dan kemudian penafsiran ulama’ terhadap keduanya. Sekiranya terdapat pertentangan antara wahyu dan penafsiran akal, maka hendaklah kita mengutamakan wahyu kerana kebenarannya yang bersifat mutlak. Ustaz C menyatakan,

“Memang betul kita tak nafikan bila kita cerita pasal agama maka perlu berbalik kepada Al-Quran dan juga hadis serta tafsir daripada ulama’ terhadap sesuatu ayat Quran, sesuatu hadis tersebut supaya jawapan kita tersebut dapat disandarkan kepada nas yang lebih sahih yang lebih jelas yang bersandar kepada syariat yang betul” (GPI3/TB4:6).

Selain itu, GPI menerapkan kriteria kesahihan maklumat melalui teguran kepada murid supaya tidak bergantung kepada berita yang tidak munasabah lagi bersifat terencil. Sebaliknya, jika lebih banyak sumber mengkhabarkan berita yang sama, maka berita itu boleh dipertimbangkan kesahihannya. Ini berdasarkan pemerhatian pengajaran Ustaz C mengenai konsep khurafat dalam Islam;

“Bukti kamu tu belum boleh diyakini kerana hanya satu kes yang berlaku, belum cukup untuk menyokong atau mewakili sekian ramai manusia yang ada di bumi. Jika kes itu berlaku satu dalam sejuta, maka kita boleh menolaknya daripada mempercayai.” Soalan diajukan kepada pembentang, “Adakah dalam nisbah 10 orang yang melanggar pantang-larang tadi, 6 daripadanya jadi seperti itu [anak kandungan menyerupai binatang yang dibunuh]? Serentak murid menjawab, tidak!” (GPI3/P01:9).

Dalam proses pengumpulan maklumat, murid dinasihatkan supaya mengutamakan peristiwa yang diperhati secara langsung berbanding peristiwa yang dikhabarkan melalui perantara. Ini bagi menghindari daripada murid menerima berita yang telah dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu.

Penerapan kriteria kecukupan maklumat

Murid-murid digalakkan untuk mengumpul maklumat secukupnya sebelum boleh membuat keputusan atau meletak pendirian. Antara kriteria yang melambangkan maklumat berkenaan sesuatu isu itu mencukupi ialah hujah yang dicari merangkumi aspek yang bertentangan. Penelitian terhadap sudut pandang yang berbeza ini memberi gambaran menyeluruh dan menghilangkan perasaan fanatik kepada satu-satu pandangan sahaja. Sebagai contoh, Ustaz C menyatakan,

“Ni isu common lah ni. A kata baca Qunut, B kata tak baca Qunut. A ni kata B Wahabi. Macam tulah duk label-label tak habis-habis. Ok tapi maksudnya bila pelajar tadi dia mencari maklumat kenapa A ni kata kena baca Qunut? Kenapa B ni kata tak payah baca Qunut dalam solat Subuh? Dia cari hujah. Yang ni cari hujah A, yang ni kemudian cari hujah B. Cuba tengok mana yang lebih kuat?” (GPI3/TB2:10).


Kedua, GPI meletakkan konteks dalam pencarian hujah kepada satu-satu isu. Konteks yang lebih spesifik dapat memandu murid mengumpul hujah dengan cukup. Dalam sesi pengajaran, Ustaz C secara konsisten mengemukakan pelbagai soalan dalam membincangkan satu isu dalam konteks yang berbeza seperti berikut;

“Bila dia cari maklumat dia nak buat konklusi dia kena ada stand di situ mana satu yang lebih selari dengan apa yang dipegang? Mana satu yang lebih tepat

dalam konteksnya kan? Kadang-kadang boleh jadi benda tu betul tapi tak kena dengan konteks... Saya boleh sebut ok, anjing jilat kena samak, itu yang kita belajar lah. Katakanlah anjing liar sekarang banyak... dia masuk dalam kawasan rumah dia jilat kasut bolehlah kita samak. Kat luar rumah kita dah tutup pintu pagar, dia jilat pokok, dia jilat lantai, dia jilat jalan. Takkan kita nak samak satu taman? Jadi dalam konteks itu tak sesuai kan” (GPI3/TB2:12).

Model elemen pengumpulan maklumat dalam pengajaran berfikir kritis ini dibina berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada 6 orang peserta kajian. GPI menjelaskan pengumpulan maklumat terdiri daripada empat kategori utama iaitu (i) pengumpulan maklumat sebagai sebahagian PdP melibatkan pencarian maklumat oleh murid dan permodelan guru, (ii) pengumpulan maklumat di luar sesi pdp merangkumi sesi pengumpulan maklumat, medium yang digunakan dan strategi pengumpulan maklumat, dan (iii) penerapan kriteria kesahihan maklumat iaitu melalui pemeriksaan sumber maklumat, melihat kepada jumlah periwayatan dan nilai sumber, dan (iv) penerapan kriteria kecukupan maklumat iaitu mengumpul maklumat daripada perspektif berbeza dan meletakkan konteks. Rajah 1.0 menggambarkan Model Elemen Pengumpulan Maklumat dalam pengajaran berfikir kritis GPI.

Rajah 1.0: Model elemen pengumpulan maklumat dalam pengajaran berfikir kritis GPI



Sumber: Data temu bual, pemerhatian dan dokumen peserta kajian

Perbincangan

Aktiviti pengumpulan maklumat dalam bilik darjah boleh menjadi satu latihan terbaik kepada murid-murid kerana adanya pemantauan dan panduan daripada guru. Kekekapan latihan sebegini dijalankan dapat memahirkan murid untuk memilih jenis rujukan dan medium yang bersesuaian dengan isu yang sedang dipertimbangkan. Tambahan pula, murid bukan sahaja perlu kritis menilai maklumat dan sumber untuk dikumpul, bahkan mereka juga perlu kreatif mencari alternatif dalam mendapatkan maklumat tambahan (Halpern, 2007). Dalam hal ini, walaupun jika murid tersebut kekurangan maklumat untuk menyelesaikan masalah atau membuat keputusan, mereka masih dapat menimbulkan persoalan dan mengenal pasti arah carian maklumat yang diperlukan (Mulnix, 2012). Justeru, aktiviti pengumpulan maklumat ini turut merangsang perkembangan berfikir kritis dan kreatif murid-murid.

Selain itu, GPI berpeluang memodelkan kaedah pengumpulan maklumat menggunakan medium tertentu di hadapan murid-murid. Permodelan ini penting supaya

murid boleh meniru tindakan guru yang dianggap sebagai pakar dalam pengumpulan maklumat untuk menjawab sesuatu persoalan (Bailin et al., 1999a; Lipman, 1987; Costa, 1991, Mulnix, 2012). Al-Ghazali (1988) telah mengingatkan para guru agar mengamalkan ilmu yang diajari supaya memudahkan murid meneladani. Hakikatnya, pengajaran melalui permodelan adalah sesuatu yang semulajadi, tidak boleh dibuat-buat (Ab. Halim et al., 2011). Maka, dalam konteks pengajaran kemahiran berfikir kritis, keberkesanan permodelan ini bergantung kepada amalan guru dan corak pengendalian kelasnya.

Proses pembelajaran tidak hanya terhenti dalam ruang lingkup bilik darjah. Sebaliknya, murid berterusan meneroka di luar bilik darjah melalui tugas yang GPI berikan sama ada berbentuk pengumpulan maklumat asas mahu pun sebagai pengayaan ke atas ilmu yang telah diperoleh dalam sesi pembelajaran. Kesediaan murid dengan maklumat asas yang terdiri daripada fakta, data atau pengalaman berkaitan pelajaran boleh mendorong mereka memberi respon yang tinggi dalam melakukan tugas berfikir di bilik darjah (Paul & Elder, 2012; Raths et al., 1986).

Tugas lanjutan pengumpulan maklumat yang GPI berikan selepas kelas selari dengan saranan al-Ghazali (1988) supaya guru sentiasa memaparkan kaitan pelajaran dengan bidang atau disiplin lain. Dalam konteks pemikiran kritis, maklumat sebegini dinamakan pengetahuan aktif (*activated knowledge*) kerana mampu menjana cabang-cabang ilmu lain (Paul & Elder, 2012). Hal ini disokong oleh Halpern (1998) dan Paul (1985) yang mencadangkan guru perlu mengaitkan pelajaran baru dengan sebanyak mungkin konsep-konsep yang telah dipelajari daripada perspektif yang pelbagai. Ini penting supaya murid dapat mengaplikasikannya apabila berhadapan masalah harian yang kompleks.

Maklum balas berterusan yang GPI berikan kepada hasil pengumpulan maklumat oleh murid-murid dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir kritis murid-murid (Mulnix, 2010; Bailin et al., 1999a). Dalam kajian ini, GPI merespon berdasarkan kriteria maklumat yang diterima sebagai sahih dan mencukupi. Kriteria maklumat yang sahih ini bertepatan dengan prinsip yang digariskan dalam sistem PI di mana sumber wahyu menjadi sumber paling berautoriti dalam memandu pemikiran kritis murid-murid (Ashraf, 1988). Selain merujuk prinsip umum yang terdapat dalam wahyu, penafsiran akal mengambil tempat dalam menimbang kesahihan sesuatu maklumat mengikut logik (Abdul Halim Mahmud, 1995). Sementara itu, GPI mengukur sama ada maklumat yang ada mencukupi atau tidak menerusi penelitian hujah terhadap sesuatu isu dari dua sudut berbeza. Perkara ini telah banyak dibincangkan dalam kaedah penaakulan mantik khususnya mengenai pembuktian kebenaran pernyataan secara *al-istidlāl*, iaitu kita boleh menyemak kebenaran penaakulan sesuatu pernyataan melalui tinjauan sisi berlawanan antara keduanya (Shahir Akram 2014). Namun asasnya, anjuran supaya mengumpul bukti menyeluruh telah tercatat dalam al-Quran dan Hadith di mana kita perlu menggenepikan hawa nafsu dan kepentingan peribadi dalam membuat keputusan (al-Quran, 34: 46).

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan GPI mempunyai strategi yang pelbagai dan sistematik dalam menerapkan elemen pengumpulan maklumat kepada murid-murid melibatkan aktiviti dalam bilik darjah, di luar bilik darjah serta penerapan kriteria

kesahihan dan kecukupan maklumat. Kajian ini memberi implikasi kepada GPI lain dan guru-guru secara amnya sebagai panduan untuk merancang aktiviti pengumpulan maklumat secara sistematik bertujuan merangsang pemikiran kritis murid-murid. Selain itu, pihak sekolah juga boleh mengambil inisiatif melengkapkan perpustakaan dan pusat sumber dengan kemudahan mengakses maklumat dan bahan bacaan yang lengkap dan terkini. Begitu juga, setiap individu dalam sekolah secara kolektif perlu bertanggungjawab membangunkan pemikiran murid seperti mengadakan program perkongsian bacaan buku dan sebagainya. Hal ini penting supaya generasi murid pada hari ini tidak lemas dalam lautan maklumat yang bersifat picisan. Malahan mampu menyaring dan memilih maklumat yang berkualiti untuk dipertimbang menjadi pegangan yang memandu tindakan.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim. Mushaf al-Madinah al-Nabawiyah. Majma' al-Malik Fahd lil al-Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2006. Model guru pendidikan Islam: Konsep 5 mim. Kertas kerja Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1 April.
- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin. 2011. Kaedah pengajaran pendidikan Islam: Konvensional dan inovasi. Dlm. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Mahmud. 1995. *Islam & Akal*. Terj. Mohd Fakhrudin Abd Mukti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(2): 13-30.
- Al-Albani, Muhammad Nashiruddin. 2013. *Shahih Sunan Abu Daud*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- al-Ghazali. 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama*. Terj. Ismail Yakub, TK.H. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- al-Zarnuji, Burhan al-Islam. 2004. *Ta'lim al-Muta'alim Thariq al-ta'llum*. Sudan: Al-Dar Al Soudania for Books.
- Ashraf, S. A. 1988. A View of Education- An Islamic Perspective. Dlm. Bernadette O'Keeffe (ed.) 1988. *Schools for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*. Sussex: The Falmer Press. m.s 69-79.
- Bailin, S., Case, R., Coombs, J. R. & Daniels, L. B. 1999a. Common misconceptions of critical thinking. *Journal of Curriculum Studies*. 31 (3): 269-283.

- Bailin, S., Case, R., Coombs, J. R. & Daniels, L. B. 1999b. Conceptualizing critical thinking. *Jurnal Curriculum Studies*. 31 (3): 285-302.
- Bazliah Naziri. 2012. *Israiliyyat: Kajian kefahaman guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah zon Keramat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Universiti Malaya.
- Costa, A. L. & Kallick, B. 2014. *Dispositions: Reframing teaching and learning*. California: Corwin A Sage Company.
- Costa, A.L. 1991. Teacher behaviours that enable student thinking. Dlm. Costa, A.L. *Developing Minds: a resource book for teaching thinking. Revised Edition Volume 1*. USA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Facione, P.A. 1990. *Critical thinking: A statement of expert consensus for purposes of Educational Assessment and Instruction*. American Philosophical Association.
- Halpern, D. F. 1998. Teaching critical thinking for transfer across domains: Dispositions, skills, structure training, and metacognitive monitoring. *American Psychologist*. 53(4): 449-455.
- Halpern, D. F. 2007. The Nature and Nurture of Critical Thinking. In *Critical Thinking and Psychology*. Edited Sternberg, R. J., Roediger, H. L. & Halpern, D. F. Cambridge University Press.
- Hasan Langgulung. 1988. *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke- 21*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Isa. 2011. Kajian kes penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru cemerlang pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar bandar: Satu kajian perbandingan. *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*: 179-198.
- Lipman, M. 1987. Critical thinking: What can it be?. *Analytic Teaching*. 8 (1): 5-12.
- Mahyuddin Abu Bakar & Azman Md Zain. 2005. Konsep bertaklid dalam Islam. *Jurnal Pengajian Umum*. 6: 71-93.
- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons.
- Meyers, C. 1986. *Teaching students to think critically: A guide for faculty in all disciplines*. California: Jossey-Bass Inc. Publishers.
- Mohd Sani Badron. 2009. Zaman ledakan maklumat dan kemajuan pengetahuan dalam kerangka pandangan hidup Islam. *AFKAR*. 10: 83-108.
- Mulnix, J. W. 2012. Thinking critically about critical thinking. *Educational Philosophy and Theory*. 44(5): 464-479.

- Norris, S.P. 1985. Synthesis of research on critical thinking. *Educational Leadership*: 40-45.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad. 2015. Pengaruh tahap kepercayaan epistemologi Islam dan tahap konsep sendiri terhadap amalan pengajaran guru pendidikan Islam. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. 2002. *Qualitative research and evaluation methods* 3rd Edition. California: Sage Publications, Inc.
- Paul, R. & Elder, L. 2012. *Critical thinking: Tools of taking charge of your learning and your life*. 3rd Edition. Boston: Pearson Education, Inc.
- Paul, R. W. 1985. McPeck's mistake. *Informal Logic*. 7 (1): 35-43.
- Phillips, John Arul. 1997. *Pengajaran kemahiran berfikir: Teori dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Raths, L.E., Wassermann, S., Jonas, A. & Rothstein, A. 1986. *Teaching for thinking: Theory, strategies & activities for the classroom*. New York: Teachers College, Columbia University.
- Rosnani Hashim, Suhailah Hussien & Juhasni Adila Juperi. 2014. The *Hikmah* (Wisdom) Program: A Philosophical inquiry for the teaching of Islamic education in Malaysia. Dlm. Sa'eda Buang & Phyllis Ghim-Lian Chew. *Muslim Education in the 21st Century*. New York: Routledge.
- Shahir Akram Hassan. 2014. *Aplikasi Kaedah Penaakulan Mantik dalam Penyelidikan Berkaitan Islam*. Tesis PhD, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Sobhi Rayyan. 2012. Islamic philosophy of education. *International Journal of Humanities and Social Science*. 2 (19): 150-156.
- Strauss, A & Corbin, J. 1998. *Basics of qualitative research : Techniques and procedures for developing grounded theory*. Thousand Oaks: Sage Publication, Inc.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2007). *Budaya ilmu: Satu penjelasan*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.